

10 JUL 2001

Mahathir-Belanjawan

MAHATHIR Pengerusikan Majlis Dialog Belajawan 2002

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan majlis dialog Belajawan 2002 di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dialog itu merupakan acara rasmi pra-Belanjawan yang penting bagi mendapatkan idea dan saranan bernas dalam menangani pelbagai isu dan cabaran ekonomi semasa dan masa depan.

Ia dihadiri para wakil 50 organisasi termasuk universiti, bank, syarikat kewangan, pertubuhan bukan kerajaan dan agensi kerajaan serta beberapa kementerian.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan dalam ucapannya berkata semua input pada majlis itu dijadikan asas persediaan bagi merangka strategi dan langkah-langkah Belajawan 2002 yang akan dibentangkan di Parlimen Oktober ini.

Tema dialog belanjawan kali ini ialah "Menggalakkan Pertumbuhan Melalui Penguatan Daya Tahan Dan Peningkatan Daya Saing".

Dr Mahathir berkata tema itu dipilih memandangkan cabaran utama yang dihadapi ekonomi negara ketika ini ialah mengukuhkan daya tahan ekonomi dari kejutan luar melalui usaha mempelbagaikan sumber pertumbuhan, penguatan sektor kewangan dan peningkatan daya saing negara.

Turut hadir Timbalan-timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy dan Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh.

Menurut aturcara yang diberikan, dialog itu dibahagikan kepada tiga sesi dengan sesi pertama hari ini melibatkan perbincangan mengenai perkembangan ekonomi makro negara serta isu-isu berkaitan.

Sesi kedua pada Jumaat ini melibatkan perbincangan dengan wakil pelbagai sektor ekonomi utama dan industri tertentu.

Ini termasuk sektor perkilangan, pertanian, perlombongan, pembinaan dan hartanah, perkhidmatan perbankan dan kewangan serta pelbagai sektor perkhidmatan lain seperti pelancongan, pendidikan dan pengangkutan.

Sesi ketiga pada Sabtu ini akan memberi peluang kepada pelbagai wakil daripada pertubuhan sosial dan kemasyarakatan untuk membincangkan isu dan agenda sosial negara.

-- BERNAMA

RV DC ZS RON